

Memartabatkan warisan unik negara di persada antarabangsa

PADA masa ini, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Jabatan Warisan Negara (JWN) dipertanggungjawabkan memelihara dan mengekalkan warisan Malaysia.

Usaha terbaru KPKK ialah mendapatkan tempat buat Malaysia dalam Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003 Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Susulan matlamat itu, JWN menganjurkan Pameran Warisan Malaysia secara khusus memperkenalkan warisan tidak ketara negara, di Ibu Pejabat UNESCO baru-baru ini.

KPKK kemudian mengisytiharkan 154 butiran daripada 24 tapak, 10 objek ketara, 111 objek tidak ketara dan sembilan tokoh orang hidup sebagai Warisan Kebangsaan Negara.

UNESCO juga menjalinkan kerjasama dengan Sarawak di bawah program 'Bahasa-bahasa Terancam' untuk melaksanakan dua projek memelihara bahasa Kelabit dan Bidayuh di negeri itu untuk mengelaknya daripada pupus.

Selain itu, JWN turut mempunyai kalendar padat tahun ini yang secara berterusan memberi pendedahan mengenai warisan negara kepada rakyat terutama generasi

muda sebagai langkah menggalak mereka menghargai khazanah negara.

Kesungguhan Malaysia dalam memelihara dan memulihara warisan negara turut diiktiraf apabila ia diterima menganggotai Konvensyen 1972 iaitu Konvensyen berhubung Perlindungan Budaya Dunia dan Warisan Alam 1972 dan Jawatankuasa Warisan Dunia pada tahun lalu.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata selepas dipilih menganggotai WHC dan dilantik sebagai timbalan pengerusinya, Malaysia kini perlu memainkan peranan rancak dan produktif untuk menempatkan warisan tidak ketara negara di persada dunia.

Beliau berkata KPKK sentiasa meningkatkan usahanya bagi mencapai matlamat memartabatkan warisan negara.

"Kita tingkatkan usaha, kita sudah ada semuanya... syarat pun sudah cukup. Sudah tiba masanya kita jadi penandatangan kepada Konvensyen Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara 2003 UNESCO," katanya ketika berucap pada Pameran Warisan Malaysia itu.

Justeru, katanya Malaysia amat memerlukan sokongan tempatan dan antarabangsa untuk membolehkan warisan negara diberi pengiktirafan sewajarnya.

Untuk itu, JWN menubuhkan bahagian yang bertanggungjawab dalam penyelidikan dan pendokumentasian terhadap warisan budaya tidak ketara yang merangkumi penyelidikan berkaitan seni persembahan, seni tampak dan seni ungkapan di Malaysia.

Ketua Pengarah JWN, Profesor Emeritus Datuk Siti Zuraina Abdul Majid, berkata menerusi keanggotaan dalam UNESCO, Malaysia dapat meningkatkan kesedaran orang ramai, merangsang rasa hormat dan melindungi kepelbagaian warisan hidup atau tidak ketara menerusi kerjasama antara kerajaan dan komuniti pada peringkat kebangsaan, sub-serantau, serantau dan antarabangsa.

"Jabatan ini menggiatkan usaha memperkenalkan dan mempromosi warisan tidak ketara negara bagi memastikan ia tidak pupus ditelan arus pemodenan," katanya.

Masyarakat terutama generasi muda perlu didedahkan dengan warisan tidak ketara negara yang amat meluas seperti tulisan Jawi, seloka, pantun, tenunan, anyaman, bunyian, muzik dan tarian.

Mereka boleh dipupuk melalui aktiviti, informasi dan sebaran maklumat tentang keunikan dan kehebatan warisan tidak ketara negara.

"Ini merangkumi setiap aktiviti harian seperti masakan, permai-

nan, pantang larang, budaya setempat, ilmu mempertahankan diri dan petua yang jelas mempunyai nilai murni, beridentiti sesuatu kaum atau kelompok masyarakat.

"Kita sebenarnya dididik dengan pelbagai jenis warisan tidak ketara... dalam diri kita ini sudah ada budaya, nilai murni adat dan bahasa yang menjadi sebahagian daripada warisan," katanya.

Menurut Siti Zuraina, Jawatankuasa Pakar Warisan Tidak Ketara mengesyorkan supaya adat, bahasa dan persuratan, budaya dan kraf, makanan, permainan tradisi dan pertahanan diri, perubatan tradisi serta seni persembahan diangkat sebagai warisan negara. Ini adalah selaras dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Beliau berkata, ada banyak warisan tidak ketara Malaysia yang unik dan mampu menarik perhatian dunia kerana warisan itu meliputi keseluruhan cara hidup.

"Dalam konteks Malaysia, kita mempunyai pelbagai kaum, bangsa, etnik dan agama, setiap satunya mempunyai keunikan yang sangat unik dan boleh menarik perhatian dunia.

Perayaan seperti Rumah Terbuka adalah antara keunikan di negara kita dan ia mudah dikenali kerana tidak dilakukan di negara-negara lain," katanya.

Menurutnya, JWN bertekad

menggiatkan usaha ini termasuk memberi galakan, sokongan dan dorongan kepada mana-mana pihak yang aktif menghidupkan warisan tidak ketara dengan memberikan garis panduan mengenai keaslian sesuatu butiran itu seperti Garis Panduan Permainan Tradisional Melayu.

Pejuang tulisan jawi di Malaysia, Prof Dr Hashim Musa pula, berkata sudah tiba masa usaha memartabatkan warisan tidak ketara termasuk tulisan Jawi dilakukan hingga ke peringkat antarabangsa.

Pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia itu berkata, walaupun ada usaha badan kerajaan untuk menyemarakkan kembali tulisan jawi dalam bentuk seminar, persidangan, kuiz, dan pertandingan tulisan Jawi dan seni khat, sambutanannya adalah secara bermusim dan terhad.

Katanya, KPKK dan Kementerian Pelajaran berperanan memartabatkan kembali tulisan Jawi terutama untuk penggunaan harian.

Mengikuti sejarah, tulisan Jawi tertua ditemui di atas Batu Bersurat Terengganu pada 1303, diikuti surat tertua dalam tulisan Jawi ialah surat Sultan Ternate kepada Raja Portugal bertarikh 1522 manakala manuskrip Melayu tertua ialah terjemahan kitab *Aq'id al-Nasaf* bertarikh 1590. - BERNAMA